**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 19 Aug2021 (Thursday)

**Berita Harian**
Urusan kebumikan jenazah pesakit covid 19 lancar 1

**Utusan Malaysia**
52.9% selesai dua dos di Selangor 2

**Harian Metro**
Tiada lagi isu lambat kebumi jasad: Jais 3

**Kosmo**
Jenazah perlu tayamum jika berisiko 4
Hanya 20 peratus orang Islam di Selangor bayar zakat 5

**Sinar Harian**
Cadangan dewan komuniti jadi pusat isolasi warga asing dibatalkan 6
Jenazah Covid-19 berisiko tidak perlu mandi, tayamum 7
Selangor tubuh SUKA hadapi pandemik Covid-19 8
Projek pangsapuri 57 tingkat disyaki curi air 9

**Nasional FM (87.7)**
80.2% Remaja Rakyat Selangor Terima Dos Vaksin 10

**Selangor TV**
16 Taman Rekreasi MBPJ Kekal Ditutup 11
Adn Subang Jaya Harap Komuniti Hadir Lengkapkan Dos Vaksin 12

**The Star**
GIVE FEEDBACK 13
TRANSPORTATION REBATE 14

**The Sun**
Booster shots can be delayed 15

**Traxx FM (90.3)**
tayammum is not required to be performed 16
Tayammum is not required to be performed 17

**China Press**
Hawkers are closed and customers do not go out, the morning market in Klang is deserted. 18
Selangor State Assembly will be held on the 23rd, the pandemic issues will become the focus. 19
Selangor government recruits 1,000 volunteers to participate in the Community Health Volunteer Program 20
Tourist mascot produced by the "Klang Travel Mini Movie" team is vaccinated 21
MPK established a green task force to build Klang as a cleanest city 22

**Sin Chew Daily**
Formed through 4 state electoral areas under MPK; Green task force to squash litterbugs 23
Teng Chang Khim : Will send people to villages to vaccinate residents there in order to achieve herd immunity faster 24

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

7 recreational parks under MBSJ will not be opened 25
Pandemic in Selangor is still in bad state; 16 parks in petaling city will not open for now 26

**Nanyang Siang Pau**
MPK setup a SGV, become to the most cleanest city 27
Selangor internet data plan, 2000 applicants are provided for farmers 28

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Urusan kebumikan jenazah pesakit covid 19 lancar |
| Muka Surat | : | 22 |

# Urusan kebumikan jenazah pesakit COVID-19 lancar

## JAIS ambil alih pengurusan, tetapkan tanah perkuburan

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

**Klang:** Tiada lagi isu kelewatan jenazah pesakit COVID-19 di Selangor dikebumikan seperti yang dilaporkan sebelum ini, kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad.

"Selepas mengesan masalah (pengurusan jenazah) berlaku di mana, kita sudah *take over* (ambil alih), termasuk menetapkan tanah perkuburan dan ia sudah selesai. Tiada lagi isu lambat dan semuanya berjalan lancar.

"JAIS hanya mengambil alih keseluruhan pengurusan jenazah pesakit COVID-19 di Klang sahaja, manakala di daerah lain pengurusan dilaksanakan seperti biasa dengan pemantauan jabatan," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Set Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Masjid Ar-Rahimiah, di sini, semalam.

Yang turut hadir Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop.

Mohd Shahzihan berkata, pihaknya juga menggalakkan lebih ramai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut serta dalam melancarkan lagi pengurusan jenazah di negeri itu, bagaimanapun mereka perlu mengikut kod etika ditetapkan jabatan itu.

Katanya, ia perlu dilakukan dengan adab dan cara yang betul.

Sebelum ini, timbul beberapa isu kelewatan pengurusan jenazah, sekali gus menyebabkan 'limpahan' jenazah di beberapa hospital, terutama di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang.




*Anhar (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan sambil diperhatikan Mohd Shahzihan (kiri) dan Saipolyazan (kanan) pada majlis Penyerahan Set PPE Lembaga Zakat Selangor di Masjid Ar-Rahimiah, Klang, semalam.*
(Foto Faiz Anuar/BH)

Susulan itu, kerajaan negeri serta JAIS tampil dengan beberapa inisiatif bagi mempercepatkan pengurusan jenazah, termasuk menjadikan tiga hospital iaitu HTAR, Hospital Shah Alam serta Hospital Sungai Buloh sebagai lokasi Pengurusan Jenazah COVID-19 Berpusat.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | 52.9% selesai dua dos di Selangor |
| Muka Surat | : | 11 |

# 52.9% selesai dua dos di Selangor

**SHAH ALAM:** Sebanyak 52.9 peratus atau 2.5 juta rakyat di Selangor lengkap menerima dua dos vaksin.

Berdasarkan statistik terkini pencapaian vaksinasi Covid-19, sejumlah 6.28 juta dos sudah diagihkan kepada penduduk negeri ini.

Jumlah itu merangkumi seramai 3.7 juta orang atau 79.4 peratus yang sudah menerima dos vaksin pertama.

Kesemua vaksin itu diagihkan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) menerusi Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan program Selangor Vaksin (SelVAX).

Menerusi program SelVAX pula, tambahan suntikan vaksin melibatkan sebanyak 299,102 dos.

Menteri Besar, Datuk Amirudin Shari menerusi laman Facebook (FB) rasminya berkata, pelaksanaan program SelVAX Komuniti turut memberi manfaat kepada seramai 250,000 orang yang belum mendapat vaksin.

"Usaha melengkapkan dan mempercepat proses vaksinasi rakyat itu adalah dengan mengenal pasti golongan sasaran," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>19 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Tiada lagi isu lambat kebumi jasad: Jais |
| Muka Surat | : | 4 |

# Tiada lagi isu lambat kebumi jasad: Jais

**Klang:** Tiada lagi isu jenazah pesakit Covid-19 di Selangor lambat dikebumikan seperti yang dilaporkan sebelum ini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, selepas beberapa inisiatif yang dilaksanakan jabatan itu, tiada lagi isu kelewatan pengurusan jenazah.

"Selepas mengesan masalah (pengurusan jenazah) berlaku di mana, kita sudah *take over* termasuk menetapkan tanah perkuburan dan ia sudah selesai. Tiada lagi isu lambat dan semuanya berjalan lancar.

"'Jais hanya mengambil alih keseluruhan pengurusan jenazah pesakit Covid-19 di Klang sahaja, manakala di daerah lain pengurusan dilaksanakan seperti biasa dengan pemantauan dari Jais," katanya ditemui pada Majlis Penyerahan Set Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Masjid Ar-Rahimiah, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Jenazah perlu tayamum jika berisiko |
| Muka Surat | : | 4 |

Jenazah pesakit Covid-19 hanya dikafan, disolat sebelum dikebumikan

# Tidak perlu tayamum jika berisiko

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**KLANG** – Jenazah Covid-19 bagi masyarakat Islam di Selangor tidak perlu melalui proses tayamun sekiranya boleh mendatangkan risiko jangkitan kepada petugas yang menguruskannya.

Mufti Selangor, Datuk Dr. Anhar Opir berkata, ini berdasarkan fatwa dikeluarkan pada 11 Ogos lalu selepas diperkenankan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berhubung pengurusan jenazah Covid-19.

"Sekiranya jenazah pesakit Covid-19 pada pandangan Kementerian Kesihatan (KKM) boleh memberi risiko kepada petugas apabila dimandikan dan ditayamun secara fizikal, maka gugur kewajipan tersebut ke atas jenazah.

"Hanya perlu dikafankan, disolatkan dan dikebumikan. Keputusan risiko itu ditentukan oleh jabatan forensik bagi setiap hospital di Selangor," katanya.

Beliau ditemui selepas menyaksikan penyerahan set peralatan perlindungan diri pengurusan jenazah Covid-19 daripada Lembaga Zakat Selangor di Masjid Jamek Ar-Rahimiah di sini semalam.



**SETIAP jenazah pesakit Covid-19 masyarakat Islam hanya perlu dikafankan dan disolatkan sekiranya proses tayamum memberi risiko penyebaran penyakit kepada petugas kesihatan.** – GAMBAR HIASAN

Sementara itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, isu berkaitan pengurusan jenazah Covid-19 termasuk caj perkhidmatan pengebumian yang tinggi telah berjaya diselesaikan pihaknya.

Jelasnya, JAIS telah mengambil alih urusan (caj tinggi) selepas timbulnya permasalahan tersebut dan pihak yang membangkitkan isu itu tanpa maklumat yang tepat hanya mengeruhkan keadaan.

"JAIS sebenarnya hanya mengambil (pengurusan jenazah Covid-19) di Klang sahaja, manakala empat lagi hospital di bawah pemantauan kita dan berjalan lancar.

"Kita turut menggalakkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bekerjasama, namun perlu mengikut prosedur yang ditetapkan," katanya.

**COVID-19**

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 22,242 |
| Import: | 4 |
| Tempatan: | 22,238 |
| Pulih | 19,680 |
| Kematian | 225 |
| Masih dirawat | 254,484 |
| Jumlah kes sembuh | 1,198,726 |
| Jumlah Kematian | 13,302 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **1,466,512** |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Hanya 20 peratus orang Islam di Selangor bayar zakat |
| Muka Surat | : | 7 |

# Hanya 20 peratus orang Islam di Selangor bayar zakat

**KLANG** – Kesedaran pembayaran zakat di Selangor dikatakan masih rendah apabila hanya 346,000 individu menunaikan kewajipan tersebut daripada 1.5 juta penduduk Islam di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M. Yusop berkata, jumlah itu hanya melibatkan 20 peratus keseluruhan yang layak dengan keluarga fakir miskin dijangka mencecah 75,000 pada tahun depan berbanding 65,000 ketika ini.

Katanya, ini tidak termasuk miskin sementara yang disantuni menerusi program Zakat Selangor Peduli (ZSP) yang dijangka memberikan manfaat kepada 15,000 penerima.

"Berdasarkan data Jabatan Statistik Negara, terdapat 3.9 juta penduduk Bumiputera di Selangor dengan 1.5 juta daripadanya layak membayar zakat Selangor.

"Ketika ini, dalam rekod hanya 346,000 pembayar zakat iaitu lebih kurang 20 peratus dan jumlah tersebut sangat kurang," katanya.

Beliau ditemui selepas penyerahan 7,000 set peralatan perlindungan diri (PPE) pengurusan jenazah Covid-19 di sini semalam.

Turut hadir adalah Mufti Selangor, Datuk Dr. Anhar Opir dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad.

Saipolyazan berkata, peruntukan untuk disalurkan kepada mereka yang terkesan akibat pandemik Covid-19 semakin meningkat termasuk menerusi program tertentu dijalankan agensi dan jabatan kerajaan.

Malah, ujarnya, hasil kajian mendapati Selangor memerlukan RM1.1 billion setahun bagi menyantuni seluruh asnaf di negeri ini dan jumlah fakir miskin pada tahun depan pula dijangka semakin ramai.




**SAIPOLYAZAN (dua kanan), Anhar (tiga kanan) dan Mohd. Shahzihan (dua kiri) ketika penyerahan set PPE pengurusan jenazah Covid-19 di Masjid Jamek Ar-Rahimiah, Klang semalam.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Cadangan dewan komuniti jadi pusat isolasi warga asing dibatalkan |
| Muka Surat | : | 23 |

# Cadangan dewan komuniti jadi pusat isolasi warga asing dibatalkan

**SABAK BERNAM -** Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam memutuskan tidak meneruskan cadangan menggunakan dewan komuniti di daerah Sabak Bernam sebagai pusat isolasi Covid-19 warga asing.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Datuk Mohd Imran Tamrin berkata, perkara itu telah dimaklumkan PDT Sabak Bernam kepada beliau pada Selasa.

"Keputusan pembatalan ini mengambil kira semua pandangan dan cadangan dalam sesi perbincangan bersama ADUN, ahli Parlimen dan pemimpin setempat pada Selasa," katanya dalam satu hantaran di Facebook beliau pada Rabu.

Mohd Imran berkata, beliau mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Daerah Sabak Bernam, Amri Ismail dan ketua jabatan kerajaan yang mengambil kira pandangan dan bantahan penduduk.

"Tidak dilupakan juga kerjasama semua pihak termasuk pimpinan politik, pimpinan masyarakat setempat, NGO (pertubuhan bukan kerajaan) dan individu persendirian yang bersepakat dalam mencari solusi dan penyelesaian bersama dalam isu ini," katanya.

Sementara itu, ADUN Sungai Air Tawar, Datuk Rizam Ismail berkata, beliau juga dimaklumkan PDT Sabak Bernam mengenai pembatalan cadangan menempatkan warga asing positif Covid-19 di dewan komuniti.

"Terima kasih diucapkan kepada Pegawai Daerah Sabak Bernam yang mendengar segala pendapat kami.

"Benarlah bak kata pepatah, bulat air kerana pembetung bulat manusia kerana muafakat," katanya.

*Sinar Harian* pada Selasa melaporkan dua ADUN UMNO membantah cadangan menjadikan dewan komuniti sekitar daerah Sabak Bernam di sini sebagai isolasi berpusat bagi pekerja bukan warganegara yang positif Covid-19.

Bantahan itu dikemukakan Mohd Imran dan Rizam yang hadir ke PDT Sabak Bernam menyerahkan memorandum bantahan penduduk kepada Amri pada Selasa.

Tular di Facebook sebelum ini berhubung cadangan isolasi berpusat bagi pekerja bukan warganegara kluster Bagan Sungai Besar.

Penempatan sementara pekerja warga asing yang positif Covid-19 dicadangkan di empat dewan iaitu di Dewan Dato' Muhd Fauzi, Pasir Panjang; Dewan Kampung Hala Cara Baru, Parit 16 Sungai Panjang; Dewan Sungai Air Tawar dan Dewan Seri Sekinchan.

**Bantah dewan jadi pusat isolasi**



**Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Jenazah Covid-19 berisiko tidak perlu mandi, tayamum |
| Muka Surat | : | 23 |

# Jenazah Covid-19 berisiko tidak perlu mandi, tayamum

**Fatwa diperkenan Sultan Selangor pada 7 Ogos lalu itu bergantung kepada hospital dan nasihat KKM**

**Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**



**Anhar (tiga dari kanan) bergambar pada majlis serahan set PPE pengurusan jenazah Covid-19 LZS kepada Jabatan JAIS di Masjid Jamek Ar Rahimiah, Klang pada Rabu.**

**KLANG**

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan pengurusan jenazah Covid-19 di negeri ini tidak perlu dimandi dan ditayamum secara fizikal sekiranya terdapat risiko jangkitan.

Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir berkata, fatwa itu telah diperkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 7 Ogos lalu.

"Sekiranya terdapat kebimbangan memandikan atau tayamum membawa kepada penyebaran penyakit, maka gugur kewajipan (memandi atau tayamum) ke atas jenazah, sebaliknya jenazah terus sahaja dikafankan, disembahyang dan dikebumikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis serahan set PPE pengurusan jenazah Covid-19 Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Masjid Jamek Ar Rahimiah, Klang di sini pada Rabu.

Anhar berkata, bagaimanapun segala keputusan berhubung pengurusan jenazah Covid-19 itu perlu mendapat nasihat dan pandangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Keputusan sama ada memandikan atau tayamum bergantung kepada pihak hospital dan jika risiko terdapat jangkitan maka gugur kewajipan tersebut," katanya.

Sementara itu, LZS menyerahkan sebanyak 7,000 set peralatan perlindungan diri (PPE) bernilai RM385,000 kepada JAIS bagi kegunaan petugas pengurusan jenazah Covid-19 di negeri ini.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop berkata, sumbangan PPE itu adalah sebahagian inisiatif bantuan Zakat Selangor Peduli yang diumumkan pada 2 Julai lalu.

Menurut beliau, inisiatif itu melibatkan empat agenda utama bagi menyalurkan agihan zakat secara bersasar.

"Empat agenda tersebut ialah memenuhi keperluan asasi golongan asnaf fakir, miskin dan mualaf, meringankan beban golongan rentan, menyokong pemulihan institusi agama di Selangor serta menyokong keperluan asas barisan hadapan," katanya.

Saipolyazan berkata, penyerahan set PPE itu dilakukan bagi memastikan pengurusan jenazah dapat dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sekali gus menyempurnakan tuntutan fardu kifayah.

"Sumbangan PPE itu meliputi kelengkapan sut PPE, sarung penutup kasut but, sarung penutup kepala, pelitup muka N95, apron, tudung penutup kepala, sarung tangan getah, pelindung muka dan cecair sanitasi yang akan digunakan oleh petugas pengurusan jenazah," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor tubuh SUKA hadapi pandemik Covid-19 |
| Muka Surat | : | 23 |

# Selangor tubuh SUKA hadapi pandemik Covid-19

**SHAH ALAM -** Kerajaan Selangor menubuhkan Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) bagi menjalankan aktiviti kesihatan awam di peringkat komuniti terutama berkaitan pandemik Covid-19.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sukarelawan terpilih itu akan dilatih dengan modul- modul bertemakan Covid-19 secara berkala.

Menurutnya, kemahiran seperti pengurusan pesakit, ujian Covid-19 di rumah, penggunaan kit penilaian rumah menerusi aplikasi SeLangkah serta pelbagai lagi akan diajar secara profesional.

"Menerusi SUKA, sifat kesukarelawan dapat dibudayakan dalam masyarakat," katanya menerusi status di Facebook beliau pada Rabu.

Katanya, terdapat beberapa manfaat bakal diperoleh sekiranya menyertai SUKA antaranya Skim Insurans Peduli Sihat (SIPS), kit sukarelawan dan latihan berkala percuma.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh e-mel kepada sukakomuniti2021@gmail.com atau layari *www.sukasociety.org*.

Sementara itu, seramai 2.51 juta individu atau 52.9 peratus populasi penduduk dewasa di negeri ini sudah menerima dua dos suntikan lengkap sehingga Selasa.

"Daripada jumlah itu, sejumlah 6.28 juta dos vaksin telah disuntik di negeri ini.

"Sebanyak 299,102 dos telah disuntik kepada rakyat di Selangor menerusi Program Vaksin Selangor (SelVax)," kata Amirudin.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Projek pangsapuri 57 tingkat disyaki curi air |
| Muka Surat | : | 24 |

# Projek pangsapuri 57 tingkat disyaki curi air

Lakukan penyambungan secara terus dari paip utama Air Selangor untuk kegunaan pekerja warga asing

Oleh NORAFIZA JAAFAR




Penyambungan terus dari paip utama Air Selangor ke tapak projek.

**KUALA LUMPUR**

Sebuah tapak pembangunan dua blok pangsapuri 57 tingkat di Jalan Sentul Pasar di sini dikesan membuat penyambungan air secara haram.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menerusi kenyataan di Facebook berkata, siasatan di tapak pembinaan itu menemui sambungan secara terus dari paip utama Pengurusan Air Selangor dengan menggunakan paip HDPE berukuran 32 milimeter.

Menurutnya, sambungan itu disyaki digunakan di tapak pembinaan dan penggunaan harian untuk pekerja warga asing.

"Tindakan pemotongan bekalan air secara haram itu telah diambil serta-merta.

"Kontraktor tapak pembinaan yang bertanggungjawab akan dipanggil untuk memberi keterangan dan berdepan tindakan perundangan," menurut kenyataan itu pada Rabu.

SPAN berkata, pihaknya sentiasa komited menjalin kerjasama berterusan bersama operator bekalan air bagi mencegah aktiviti penyambungan bekalan air secara menyalahi undang-undang yang menjadi penyumbang kepada kadar Air Tidak Terhasil (NRW).

Jelasnya, kesalahan membuat penyambungan bekalan air yang menyalahi undang-undang dari sesalur utama awam boleh disiasat di bawah Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

"Jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya," kata kenyataan itu.

Sebarang aduan atau maklumat berkenaan penyambungan bekalan air secara menyalahi undang-undang para pengguna boleh menyalurkannya melalui WhatsApp ke nombor **013-3885 000** atau e-mel ke *aduan@span.gov.my*.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**18 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Nasional FM (87.7) |
| Tajuk Berita | **:** | 80.2% Remaja Rakyat Selangor Terima Dos Vaksin |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 18 August 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | 16 Taman Rekreasi MBPJ Kekal Ditutup |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 18 August 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Adn Subang Jaya Harap Komuniti Hadir Lengkapkan Dos Vaksin |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | GIVE FEEDBACK |
| Muka Surat | : | 2 |

# GIVE FEEDBACK

> Kajang Municipal Council (MPKj) is seeking public feedback for its MPKj Strategic Plan 2021-2025. Stakeholders can view the plan via shorturl.at/otDIZ and submit their feedback at shorturl.at/jBHM3

> The Environment Department is collecting input from the public on the Environmental Quality (Prescribed Activities)(Environmental Impact Assessment) Order 2015. The slides can be found at http://shorturl.at/drCO8. Email input to wyy@doe.gov.my, azlinaomar@doe.gov.my or lizz@doe.gov.my

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>19 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | TRANSPORTATION REBATE |
| Muka Surat | : | 2 |

## TRANSPORTATION REBATE

Selangor residents with Grab accounts are eligible for travel rebates to vaccination centres within the state. Applications are open until Sept 30. For details, visit rebatpengangkutangrabvaksin.borangmbiselangor.com

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 19 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Sun |
| Tajuk Berita | : | Booster shots can be delayed |
| Muka Surat | : | 4 |

# Booster shots can be delayed

## Health experts advocate focus on completing vaccination programme before moving to next level

BY **SHIVANI SUPRAMANI**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** A booster shot of the Covid-19 vaccine is beneficial, but there is no hurry to get it.

According to health experts, the priority now should be to ensure all Malaysians are fully vaccinated, which means getting at least two doses, to achieve herd immunity.

Only then should the nation consider a third dose of the vaccine, they said.

